

Pilihan raya kampus UMSKAL akhiri perang poster

Lebih 2,000 pelajar buang undi

UB 1.11.2013 B1
Oleh HENRY BATING
hbating@gmail.com

PELBAGAI sudut kawasan Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kampus Antarabangsa Labuan (KAL) berada pada kemuncak perang poster bagi meraih sokongan lebih 2,000 pelajar yang selesai membuang undi kelmarin.

Calon-calon bertanding dari dua buah sekolah telah melaksanakan pelbagai siri kempen menyampaikan mesej agenda perjuangan mereka selama empat hari setelah penamaan calon dijalankan 28 Oktober lalu.

UMSKAL memiliki dua buah sekolah terdiri daripada Sekolah Sains dan Informatik Labuan (SSIL) dan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) di samping Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) sebagai pusat yang mengendalikan kursus teras universiti.

Dalam siri kempen, kelihatan ada di kalangan calon-calon bertanding mengambil posisi di laluan utama kampus untuk berucap salam dengan kalangan pelajar yang lalu-lalang di samping bertukar pesan dan mengucapkan terima kasih atas sokongan.

Suasana pilihan raya kampus UMSKAL menampakkan proses pemilihan sama seperti yang dijalankan dalam pilihan raya umum Malaysia dengan penggunaan pelbagai peraturan berkaitan pemasangan poster dan pengetengahan isu-isu kempen.

Sebagai warga kampus yang masih menimba ilmu, proses itu merupakan pendedahan kepada pelajar tentang orientasi sebenar pilihan raya umum negara bagi memilih parti yang menerajui kepimpinan negara.

“ Dalam siri kempen, kelihatan ada di kalangan calon-calon bertanding mengambil posisi di laluan utama kampus untuk berucap salam dengan kalangan pelajar yang lalu-lalang di samping bertukar pesan dan mengucapkan terima kasih atas sokongan. Suasana pilihan raya kampus UMSKAL menampakkan proses pemilihan sama seperti yang dijalankan dalam pilihan raya umum Malaysia dengan penggunaan pelbagai peraturan berkaitan pemasangan poster dan pengetengahan isu-isu kempen. ”





CALON-CALON bertanding dari Sekolah Sains dan Informatik Labuan.

(Gambar kiri) POSTER diletakkan di kawasan tumpuan rehat pelajar.

(Gambar kiri) POSTER gergasi calon-calon bertanding pada dinding bangunan.



POSTER direntangkan di selekoh laluan umum kolej kediaman.



(Gambar atas) PELAJAR melalui lorong yang terdapat banyak poster.

(Gambar kiri) KAWASAN letak kereta turut menjadi medan merentang poster meraih sokongan.

(Gambar kanan) CALON-CALON bertanding dengan slogan kempen mereka.

